

# MIMBAR Universiti

di-terbitkan oleh Persatuan Pelajar<sup>2</sup> N.U.

25 hb. May 1961

Harga 20 sen.

## MIMBAR

### Lahir-nya 'PENA' ....

PADA 12 hb. February 1961, Persatuan Penulis<sup>2</sup> Nasional atau dengan nama ringkas-nya PENA yang tujuan-nya hendak menyatupadukan penulis<sup>2</sup> tanah ayer dari semua peringkat dan segala aliran pendapat serta hendak berusaha sa-luas<sup>2</sup>-nya dalam lapangan bahasa, kesusasteraan dan ilmu pengetahuan telah lahir di-alam maya ini. Lahir-nya PENA ini sudah barang tentu besar makna-nya dan telah mendapat perhatian yang maha besar dari masyarakat Melayu atau masyarakat Tionghoa.

PENA yang mengutamakan kepentingan negara dan perpaduan bangsa itu, telah mengambil langkah<sup>2</sup> yang tepat dan bijak, terutama di-dalam hal penerimaan anggota. Hal ini terbukti oleh isi bab IV dalam perlembagaan-nya yang berbunyi: "Persatuan mempunyai tiga jenis anggota, ia-itu anggota<sup>2</sup> biasa, anggota<sup>2</sup> bersekutu dan anggota<sup>2</sup> kehormatan. Perlembagaan telah menentukan bahawa barang siapa berwarganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menulis dalam bahasa<sup>2</sup> lain daripada bahasa kebangsaan akan di-terima menjadi anggota<sup>2</sup> bersekutu juga."

Sa-bagai telah di-ketahui umum bahawa hasil sastera yang bertaraf tinggi hampir kesemua-nya di-tulis dalam bahasa bonda si-penulis-nya. Pada sa-takat ini, hasil sastera yang teragong di-dunia ini, tidak ada yang tidak di-tulis dalam bahasa bonda pengarang-nya. Sa-saorang, meski pun ia pandai sa-kali dalam suatu bahasa asing, namun tidak mungkin dapat menguasai-nya dengan lebeh baik daripada bahasa bonda-nya yang di-pelajari-nya sa-dari ia di-lahirkan dan yang terus-menerus di-gunakan. Ada-lah menjadi kenyataan bahawa nilai sa-suatu hasil sastera bukan di-tentukan oleh bahasa yang di-gunakan-nya melainkan di-tentukan oleh isi-nya dan kebolehan si-pengarang-nya.

Maka langkah<sup>2</sup> yang di-ambil oleh PENA itu patut di-puji, kerana hal ini besar erti-nya, terutama di-Malaya, suatu negara yang terdiri daripada berbagai-bagai suku bangsa dan yang sedang membena kebudayaan yang baru.

Bilangan Ke-8

3

### Nanyang Gempar!

PERISTIWA ini terjadi pada 15 hb. May bertempat di-Nanyang.

Pagi hari itu, sa-kumpulan siswa<sup>2</sup> Nanyang yang terdiri daripada berpuluh-puluh orang, telah menyerbu pejabat Nanyang dan mengancam vice-chancellor Dr. Chuang supaya mengabulkan mereka mengundorkan diri dari Persatuan Pelajar<sup>2</sup> Universiti Nanyang (NUSU). Siswa<sup>2</sup> tersebut makin lama makin merajalela, mereka menchachi-maki beberapa pegawai tinggi Nanyang dengan habis<sup>2</sup>an, bahkan hendak mengulorkan kepelan.

Peristiwa 15hb. May ini telah menggemparkan masyarakat Malaya! Di-sini kami hendak menerangkan selok-belok-nya, supaya khalayak ramai mengetahui dudok-nya perkara.

Semenjak beberapa bulan yang lampau, sa-golongan siswa yang sangat kecil bilangan-nya dan berlatar belakang politik, telah menentang NUSU dengan terang-terangan. Mereka mengasut siswa<sup>2</sup> lain-nya supaya jangan bekerja-sama dengan NUSU sambil memburok-burokkan nama Nanyang. Di-samping mengerjakan perbuatan yang keji itu, mereka pun mengganggu ketenteraman suasana belajar dengan jalan memasang merchun serta mengusek-usek siswa<sup>2</sup> dengan cara sa-ribu satu macham.

Siswa<sup>2</sup> yang kurang-ajar itu telah pun menchuba menguasai NUSU, akan tetapi niat jahat mereka itu telah terbongkar oleh pelajar<sup>2</sup> Nanyang, sa-hingga shor<sup>2</sup> yang di-kemukakan oleh siswa<sup>2</sup> itu tidak mendapat sokongan daripada hadirin<sup>2</sup> Rapat Raksasa Tahunan NUSU. Tipu muslihat mereka akhir-nya telah gagal. Tetapi mereka maseh tidak mau lepas tangan, malah mengasut sa-bahagian pelajar<sup>2</sup> yang dapat di-pengarohi-nya supaya beramai-ramai mengundorkan diri dari NUSU. Mengikut Undang<sup>2</sup> Universiti Nanyang, sa-tiap pelajar Nanyang ada-lah anggota NUSU pula; barang siapa hendak mengundorkan diri dari NUSU, maka bererti bahawa ia bukan sa-orang pelajar Nanyang lagi.

Memandang kenyataan di-atas maka insaf-lah kita bahawa siswa<sup>2</sup> tersebut mempunyai latar belakang, mereka telah di-gunakan sa-bagai alat oleh petualang<sup>2</sup> politik untuk mengachaukan Nanyang, bahkan kalau dapat untuk menggulingkan Nanyang. Perbuatan siswa<sup>2</sup> itu telah di-kutok oleh masyarakat dan di-kecham oleh pelajar<sup>2</sup> Nanyang yang berperasaan keadilan. Akhbar<sup>2</sup> menyiarkan peristiwa ini dengan panjang lebar. Kechaman<sup>2</sup> yang di-berikan oleh persatuan<sup>2</sup> kebudayaan di-Malaya dan oleh 16 persatuan di-Nanyang telah di-muat dalam akhbar<sup>2</sup> itu berturut-turut. Bahkan pengarang yang termashor dan pensharah Nanyang Dr. Han Suyin pun menyatakan pendirian-nya yang menchela perbuatan mereka yang keji itu. Khalayak ramai dan siswa<sup>2</sup> Nanyang bersetuju supaya kepala<sup>2</sup> pengachau itu mesti di-beri hukuman yang sa-timpal dengan dosa-nya.